

## 60 pemain sertai KDE Masters

SERAMAI 60 pemain berentap pada Kejohanan Kelab Darul Ehsan (KDE) Masters 2010 di kelab itu, 27 dan 28 Mac lalu.

Pemain berhandikap lapan, Agusti Arto muncul juara gross selepas mencatatkan 158 sepanjang dua hari saingan manakala Stanley Wong di tangga kedua dengan catatan 159 OCB diikuti Idris Ngah, juga 159 OCB.

Datuk Zulkiflee Zainol yang bermain dengan handikap 13 menjuarai

kategori nett selepas mencatatkan 139 OCB manakala dalam kategori nett harian, Shariff Abdul Hamid muncul pemenang hari pertama dengan catatan 68 sementara Mohammad Iskandar Majidi menjadi juara hari kedua dengan 64.

Pemain berhandikap 14, Han Jun Soo turut bertuah apabila memenangi Bull's Eye di lubang kedua pada hari pertama sekali gus menerima habuan RM2,010.



**TAHNIHAH...** Zulkiflee (kiri) menerima hadiah juara nett daripada kapten golf KDE, Fauzi Ahmad Ghazali.



Bagi mengeluarkan bola dari bunker, kita haruslah memotong pasir dulu sekurang-kurangnya dua inci di belakang bola.

Perlu diingatkan hayunan ke depan perlu dilepaskan kerana kebanyakan pemain berhandikap tinggi cuba menahan pergerakan kayu menyebabkan impak pada pasir tak cukup kuat untuk mengeluarkan bola.

► **Minggu depan: Permainan bunker jarak jauh**